BULETIN

01/2024

MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU

DURIAN AGRO TOURISM FEST BANDAR BAHARU, KEDAH.

DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI SULTAN SALLEHUDDIN, RAJA MUDA KEDAH MENCEMAR DULI MENYEMPURNAKAN GIMIK PERASMIAN PENUTUP DURIAN AGRO TOURISM FEST BANDAR BAHARU 2024

PENAUNG
Tuan Mohd Noor Bin Ismail,
AMK., BCK.,
(Yang Dipertua)

PENASIHAT
Encik Mohamad Izwan Bin
Dato' Paduka Mohd Omar
(Setiausaha)

PENGARANG
Muhamad Nur Syafiq Bin Norasri
(Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
& Korporat)

JURUGAMBAR
Umaimah Binti Uzair
(Pembantu Tadbir)

EDITOR
Nuraini Binti Hashim
(Ketua Unit Teknologi Maklumat)

DITERBITKAN OLEH

MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG,
KEDAH DARUL AMAN

No. Telefon : 04-4077264
No. Faks : 04-4078873
Emel : mdbb@mdbb.gov.my

PERUTUSAN YANG DIPERTUA 03

MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA BERSAMA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU, PEJABAT DAERAH BANDAR BAHARU DAN PEJABAT TANAH BANDAR BAHARU 04

LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU KE MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS 05

DISKUSI FIQH RAMADAN 06

PROGRAM TAKLIMAT DAN UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN DAERAH BANDAR BAHARU TAHUN 1445H/2024 07

MESYUARAT VERIFIKASI GUNA TANAH SEMASA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU (MDBB), KEDAH 2035 (PENGGANTIAN) 08

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN BERBUKA PUASA YAB. MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN SEMPENA RAMADAN 1445H/2024M PERINGKAT DAERAH BANDAR BAHARU 09

RIADAH SANTAI BERSAMA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU 10

PENGAUDITAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2024 KE MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU 11

HARI BERTEMU PELANGGAN & TOWN HALL SANTAI RETRO SERDANG 12

DURIAN AGRO TOURISM FEST BANDAR BAHARU, KEDAH 2024 13

PROGRAM PERASMIAN DAN GOTONG-ROYONG SEMPENA KEMPEN PREMIS MAKANAN BERSIH TAHUN 2024 14

PROGRAM BERSAMA KOMUNITI JIWA MERDEKA BEBAS DADAH 15

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA DAERAH BANDAR BAHARU SEMPENA TAHUN MELAWAT KEDAH 2025 16

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera semua.

Tentunya banyak benda dan perkara yang saya kurang arif lagi dengan daerah ini. Saya akan cuba belajar secepat mungkin kerana masa tidak menunggu kita. Sesuatu perlu dibuat dalam menggerakkan organisasi MDBB ke arah yang lebih cemerlang dan yang pentingnya dapat menambahkan pendapatan MDBB. Sudah tentu saya amat memerlukan kerjasama semua pihak termasuk anak-anak buah saya di MDBB, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan di daerah Bandar Baharu, kepimpinan politik tempatan, JPKK serta rakyat jelata sekalian. Tanpa kerjasama semua pihak tidak mungkin usaha untuk membangunkan daerah Bandar Baharu yang terletak jauh di Selatan negeri Kedah ini akan tercapai.

Saya menyedari banyak halangan dan kekangan terutama dari segi kewangan, peralatan dan sumber manusia dalam merealisasikan harapan dan cita-cita penduduk tempatan. Harapan mereka memang tinggi. Tapi mampukah dipenuhi dengan segala kekangan yang ada. Ini merupakan satu cabaran besar kepada Majlis Daerah Bandar Baharu untuk menghadapinya.

Ramai orang berfikir yang sumber kewangan MDBB disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ya memang benar sumbangan ada juga diterima oleh MDBB dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan, tapi jumlah yang disumbangkan itu tidaklah sebesar mana. Jadi sumber utama MDBB masih lagi tertumpu kepada cukai taksiran, sewaan gerai majlis, kutipan lesen perniagaan dan lain-lain yang tidak begitu banyak kutipannya. Majlis tidak boleh mengharapkan sepenuhnya bantuan dari Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri juga banyak komitmen yang perlu diberikan dan memerlukan peruntukan yang banyak bagi memenuhi janji-janji kepada rakyat. Begitu juga Kerajaan Persekutuan memang banyak membantu dan memberikan pelbagai projek pembangunan, tetapi tentunya tidak boleh bergantung sepenuhnya juga kerana pemberian itu tidak menentu. Adakalanya banyak dan adakalanya berkurangan dari sebelumnya.

Apa yang boleh ditumpukan ialah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap pembayar-pembayar cukai yang masih lagi tertunggak dengan banyak dan mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap tunggakan-tunggakan sewaan premis MDBB yang agak tinggi juga. Di samping itu, MDBB akan mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis perniagaan yang beroperasi tanpa lesen premis dari MDBB.

Saya berharap agar orang awam dapat memahami akan hasrat MDBB ini kerana pembayaran cukai taksiran dan sewaan premis MDBB adalah tanggungjawab individu berkaitan. Begitu juga sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan dan perusahaan di daerah ini perlu mengambil lesen perniagaan yang sesuai.

Semua hasil-hasil yang dikutip ini akan dipulangkan semula untuk kesejahteraan rakyat. Jadi saya mengharapkan semua pihak dapat memberikan kerjasama kepada tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh MDBB.

Terima Kasih.

MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA BERSAMA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU, PEJABAT DAERAH BANDAR BAHARU DAN PEJABAT TANAH BANDAR BAHARU

Program dimulakan dengan pendaftaran kakitangan-kakitangan Pentadbiran Daerah Bandar Baharu dan ketibaan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu merangkap Pegawai Daerah Bandar Baharu di Taman Tasik Serdang, Serdang, Kedah bermula jam 8.30 pagi.

Program diteruskan dengan acara senamrobik yang dipimpin oleh salah seorang kakitangan Majlis Daerah Bandar Baharu iaitu En. Abdul Rashid Bin Abu. Setelah selesai acara senamrobik, majlis diteruskan lagi dengan nyanyian lagu Negaraku dan Lagu Negeri Kedah serta disusuli dengan bacaan doa.

Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu merangkap Tuan Pegawai Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor Bin Ismail., AMK., BCK menyampaikan amanat bagi tahun 2024 kepada seluruh kakitangan pentadbiran Daerah Bandar Baharu. Beliau memberi penekanan berkenaan peranan dan kecekapan melaksanakan tugas sebagai penjawat awam dalam skop masing-masing bermula dari bawah sehinggalah pengurusan tertinggi dalam usaha memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat setempat.

LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU KE MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

23 FEBRUARI 2024 (JUMAAT) , Majlis Daerah Bandar Baharu telah mengadakan lawatan ke Majlis Daerah Cameron Highlands yang turut dihadiri oleh Tuan Mohd Noor Bin Ismail., AMK., BCK., Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu.

Taklimat telah diadakan di Dewan Nur Ilham dan pelbagai perkongsian ilmu telah dibentangkan sepanjang taklimat diadakan.

Majlis Daerah Bandar Baharu amat berbesar hati dan sekalung penghargaan untuk Majlis Daerah Cameron Highlands dalam menyantuni pihak MDBB sepanjang lawatan.

"DISKUSI FIQH RAMADAN"

Program dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah, Pejabat Agama Daerah Bandar Baharu, Majlis Daerah Bandar Baharu dan PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Bandar Baharu dengan panel penceramah yang dibawakan khas daripada Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Ahli panel yang terlibat adalah YBhg.Tuan Syeikh Marwazi bin Dziyauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), YBhg. Dr. Syeikh Hazizan bin Md. Desa (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah) dan bersama moderator YBhg. Tuan Sheikh Mohd Fadhil Bin Abd. Rahman (Pegawai Agama Daerah Bandar Baharu).

Program ini dijalankan secara bersemuka dan bersiaran langsung menerusi “Facebook Majlis Daerah Bandar Baharu” yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Bandar Baharu merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor Bin Ismail., AMK., BCK., bersama-sama Jabatan dan Agensi Daerah Bandar Baharu, Ahli-Ahli Jawatankuasa Masjid Daerah Bandar Baharu, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Bandar Baharu serta guru-guru agama.

PROGRAM TAKLIMAT DAN UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN DAERAH BANDAR BAHARU TAHUN 1445H/2024

Program ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Bandar Baharu bertempat di Dewan Seri Serdang, Serdang, Kedah bermula jam 9.00 pagi.

Program dimulakan dengan pendaftaran para peniaga bazar dan diserikan dengan bacaan doa serta ucapan aluan daripada Setiausaha Majlis Daerah Bandar Baharu, Encik Mohamad Izwan Bin Dato' Paduka Mohd Omar.

Program diteruskan lagi dengan sumbangan cenderahati kepada penceramah taklimat yang hadir iaitu daripada Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu dan pihak SWCorp.

Seterusnya penyampaian taklimat berkenaan Keselamatan dan Kebersihan Pengendalian Makanan oleh pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu dan juga taklimat berkenaan Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam daripada wakil pihak SWCorp.

Program diakhiri dengan cabutan undi tapak bagi semua peniaga bazar yang telah berdaftar.

MESYUARAT VERIFIKASI GUNA TANAH SEMASA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU (MDBB), KEDAH 2035 (PENGGANTIAN)

Sesi verifikasi guna tanah semasa diketuai oleh Puan Hamidah Bt Khalil, Pengurus Projek Kajian RTMDBB 2035, Pejabat Projek Zon Utara (PPZU).

Verifikasi ini diadakan bagi mendapatkan kepastian dan pengesahan ke atas data guna tanah semasa Daerah Bandar Baharu yang dikemaskini oleh pasukan kajian dan memastikan data tersebut tepat dan terkini sebelum data ini diserahkan kepada perunding untuk peringkat seterusnya.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN BERBUKA PUASA YAB. MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN SEMPENA RAMADAN 1445H/2024M PERINGKAT DAERAH BANDAR BAHARU

Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu serta Pejabat Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa yang disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Muhammad Radhi Bin Haji Mat Din, Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan dan Kos Sara Hidup serta Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Kedah.

Majlis diadakan di Masjid Al-Islah, Permatang Kerat Telunjuk, Bandar Baharu, Kedah dengan kerjasama Majlis Daerah Bandar Baharu dalam penyediaan susun atur tempat, kawalan lalu lintas, jurugambar dan membantu dalam proses pemberian barangan sumbangan kepada penerima yang terdiri daripada para guru Al-Quran, mudim, bidan kampung, jurumandi jenazah, bomoh patah dan penggali kubur.

Sumbangan yang disampaikan ini adalah sebagai tanda penghargaan dari Kerajaan Negeri Kedah atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan oleh para penerima kepada penduduk Bandar Baharu.

RIADAH SANTAI BERSAMA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU

Riadah Santai ini diadakan di Taman Rekreasi di Batu Hampar, Air Puteh, Serdang Kedah yang telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu bersama Majlis Daerah Bandar Baharu serta Puspanita Cawangan Kecil Daerah Bandar Baharu.

Program dirasmikan Tuan Mohd Noor Bin Ismail, AMK., BCK., Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu dan dimulakan dengan aktiviti senamrobik serta taklimat ringkas oleh Pihak Majlis Daerah Bandar Baharu.

Gotong -Royong melibatkan beberapa kawasan iaitu kawasan sekitar rekreasi Batu Hampar, kawasan kolam, gerai-gerai, tandas awam dan jalan masuk.

PENGAUDITAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2024 KE MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU

14 Mei 2024, Sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024 bagi Majlis Daerah Bandar Baharu telah diadakan di Bilik Mesyuarat MDBB bermula jam 9.00 pagi yang dimulai dengan taklimat ringkas oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor bin Ismail., AMK., BCK.

Ketua Panel Penilai, Puan Nur Halimah Binti Mohd Yusoff (Pengarah Bahagian Pemantauan Pelaksanaan Dasar, Jabatan Kerajaan Tempatan) yang hadir bersama Urusetia dan Panel Penilai seramai 5 orang

HARI BERTEMU PELANGGAN & TOWN HALL SANTAI RETRO SERDANG

26 Mei 2024, Hari Bertemu Pelanggan & Town Hall Santai Retro Serdang yang melibatkan pelbagai agensi dan jabatan di Daerah Bandar Baharu telah diadakan bertempat di Tasek Serdang, Kedah bermula jam 9.00 pagi.

Program dianjurkan oleh Majlis Daerah Bandar Baharu dengan kerjasama Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu, PEMADAM Bandar Baharu, Puspanita Cawangan Kecil Bandar Baharu dan Bulan Sabit Merah Daerah Bandar Baharu.

DURIAN AGRO TOURISM FEST BANDAR BAHARU, KEDAH 2024

14 Julai 2024, Program Durian Agro Tourism Fest Bandar Baharu Kedah 2024 telah berlangsung selama 4 hari bermula 11 Julai 2024 hingga 14 Julai 2024 bertempat di Dataran Bandar Baharu, Bandar Baharu, Kedah menampilkan daerah Bandar Baharu sebagai hab pelancongan agro khususnya Durian Duri Hitam.

Terdapat pelbagai produk jualan dan pameran daripada agensi/ jabatan daerah Bandar Baharu yang telah dipamerkan kepada para pengunjung yang hadir. Turut diadakan program dan aktiviti menarik seperti kuiz, cabutan bertuah, Forum Agama, pertandingan mewarna, pertandingan memancing udang galah, pertandingan gubahan hantaran, pertandingan memasak, persembahan artis dan buskers, senamrobik, cleanwalk sekitar persisiran Sungai Kerian, demo masakan, pertunjukan api, persembahan maskot serta lelongan buah durian.

Pegawai Daerah Bandar Baharu/ Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu, Mohd Noor Bin Ismail berkata penganjuran program Durian Agro Tourism Fest kali kedua ini dapat membantu mempromosikan dan memperlihatkan pelbagai jenis durian dan produk yang ada kepada para pengunjung pelbagai negeri yang hadir seterusnya memeriahkan program ini.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah mencemar duli menyempurnakan Gimik Perasmian Penutup Durian Agro Tourism Fest Bandar Baharu 2024 yang berlangsung selama empat hari.

PROGRAM PERASMIAN DAN GOTONG-ROYONG SEMPENA KEMPEN PREMIS MAKANAN BERSIH TAHUN 2024

8 Ogos 2024, Program ini bermula pada jam 9.00 pagi bertempat di Medan Selera Fasa 2, Serdang, Kedah (berhadapan Pejabat Agama Daerah Bandar Baharu) dengan kerjasama Majlis Daerah Bandar Baharu bersama agensi kerajaan dan swasta iaitu Pejabat Daerah Bandar Baharu, Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), E-Idaman Sdn. Bhd, Pejabat Agama Daerah Bandar Baharu dan para peniaga Medan Selera Fasa 2, Serdang.

Program dimulakan dengan bacaan doa daripada wakil Pejabat Agama Daerah Bandar Baharu dan diteruskan dengan sesi taklimat pengendalian makanan daripada Pegawai Kesihatan Daerah Bandar Baharu, taklimat pembersihan sisa pepejal dan kitar semula oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Kulim/Bandar Baharu dan taklimat gotong-royong oleh Ketua Bahagian Kesihatan, Majlis Daerah Bandar Baharu kepada semua peniaga dan peserta yang terlibat.

PROGRAM BERSAMA KOMUNITI JIWA MERDEKA BEBAS DADAH

28 SEPTEMBER 2025 (AHAD) - Program dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Mohd Noor Bin Ismail, AMK., BCK., Pegawai Daerah Bandar Baharu Merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu dan Pengerusi PEMADAM Daerah Bandar Baharu bertempat di Taman Tasek Serdang, Serdang, Kedah.

Program dimulakan dengan Taklimat Kesedaran Dadah oleh Inspektor Maladevi A/P Kaliapan Bahagian Siasatan Jenayah dari Ibu Pejabat Polis Daerah Bandar Baharu yang bertajuk Kesedaran Dan Bahaya DADAH Dalam Kehidupan Serta Kesan-Kesan Pengambilan Dadah Kepada Diri Keluarga Dan Masyarakat.

Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat pelbagai lapisan terutama kanak-kanak dan golongan remaja agar bijak dalam mengambil sebarang keputusan.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan pakaian beragam tema hari kebangsaan, menghias kek, basikal berhias, mewarna serta pertunjukan silat, demo driff, auto dan audio show.

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA DAERAH BANDAR BAHARU SEMPENA TAHUN MELAWAT KEDAH 2025

19 Disember 2024 – Program Gotong-Royong Perdana Daerah Bandar Baharu diadakan bertempat di Taman Rekreasi Batu Hampar, Serdang, Bandar Baharu, Kedah bermula jam 9.00 pagi bersempena tahun melawat Kedah 2025 dengan tagline Experience Kedah.

Program dirasmikan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Baharu iaitu Yang Berhormat Ts. Dr. Mohd Suffian Yusuff dan turut bersama-sama iaitu Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah Bandar Baharu merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor bin Ismail., AMK., BCK.

Aktiviti gotong royong melibatkan beberapa kawasan iaitu kawasan sekitar rekreasi Batu Hampar, kawasan kolam, gerai-gerai, tandas awam dan jalan masuk.
Bersama-sama kita memelihara alam sekitar dan menguruskan sisa dengan baik.

Turut serta bersama-sama ialah ADUN Bandar Baharu, Setiausaha MDBB, Ahli-Ahli Majlis MDBB, JKR Kulim/Bandar Baharu, JPS Kulim/Bandar Baharu, SWCORP Cawangan Kulim/Bandar Baharu, Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd.,Penghulu Mukim Serdang, Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Air Puteh, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Bandar Baharu, Warga Kerja Pejabat Daerah & Tanah Bandar Baharu Serta Ketua-Ketua Bahagian & Warga Kerja Majlis Daerah Bandar Baharu serta jabatan dan agensi kerajaan di daerah Bandar Baharu.

MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG,
KEDAH DARUL AMAN

No. Telefon : 04-4077264
No. Faks : 04-4078873
Emel : mdbb@mdbb.gov.my